

30 JAN 1997

PERKHIDMATAN BAS KE GENTING HINGGA KE KAKI BUKIT SAJA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Mulai Mac depan semua perkhidmatan bas ke pusat peranginan Genting Highlands akan berhenti di Stesen Skyway Genting di Gohtong Jaya yang baru siap dibina.

Dari situ, penumpang perlu menaiki kereta kabel ke puncak yang memakan masa 11 minit, demikian dinyatakan oleh naib presiden kanan Resorts World Bhd, Rosli Kamili pada satu prebui media mengenai stesen itu dan hotel terbaru, Highlands Hotel.

Beliau berkata langkah tersebut bertujuan mengurangkan kesesakan lalulintas ke dan dari pusat peranginan itu. Setiap hari, purata 28,000 orang mengunjungi Genting Highlands dan dalam setahun lebih sembilan juta orang.

Sistem kereta kabel itu boleh menampung lebih 2,000 orang setiap satu jam bagi satu perjalanan.

Ia akan dibuka kepada orang ramai mulai 1 Februari, kata Rosli sambil menambah bahawa perkhidmatan itu diadakan percuma sehingga Mac.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dijangka akan merasmikan pembukaan Highlands Hotel yang dibina dengan perbelanjaan RM439 juta. -- BERNAMA.

HJ/MSL SIA